

Ghafar cadang 4 negara lagi sertai ASEAN

Encik Ghafar berkata, langkah tersebut bertujuan mencapai kemajuan jangka panjang negara-negara di rantau ini.

Encik Ghafar juga mencadangkan supaya satu peraturan atau undang-undang persidangan-persidangan agung parti-parti politik dijalankan secara terbuka.

Beliau berkata, persidangan secara tertutup biasanya melahirkan perkara-perkara perkauman yang tidak sihat.

Katanya, jika setiap persidangan seperti itu dijalankan secara terbuka, para perwakilan yang mengeluarkan buah fikiran terpaksa berhati-hati supaya tidak menimbulkan perasaan perkauman atau perkara-perkara yang boleh membahayakan perhubungan kaum dan negara.

Encik Ghafar juga membidas sepak terajang PAS yang telah mencemarkan nama Islam. Katanya, PAS mengelirukan orang-orang Islam dan menimbulkan ketakutan kepada orang bukan Islam.

Menyentuh mengenai DAP, Encik Ghafar

bertanyakan, "Tidakkah parti itu merasa malu kerana mengagungkan dirinya sebagai sebuah parti tidak perkauman tetapi ia hanya mendapat sokongan dari satu kaum sahaja?"

Wan Abu Bakar Wan Mohamad (BN-Jerantut) pula menggesa kerajaan melancarkan gerakan besar-besaran mengurangkan tabiat merokok dan meminum minuman keras di kalangan rakyat negara ini.

"Saya menyokong usaha kerajaan menaikkan duti import barang-barang itu, ini akan mengurangkan lagi rakyat Malaysia yang merokok dan meminum minuman keras," tegasnya lagi.

Wan Abu Bakar juga menggesa kerajaan mengawal perjalanan syarikat-syarikat asing di negara ini yang cuba mengeneipkan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Tindakan perlu diambil terhadap syarikat-syarikat yang cuba mempermainkan kerajaan, tegasnya.

Beliau kemudian menyeru kerajaan menetapkan satu dasar yang kemas dan berkesan ke arah menyusun semula equiti dan pengurusan syarikat-syarikat itu.

Sementara itu, Encik Oi Gin Sun (BN-Alur Setar) dalam ucapan yang sama berkata, sisa-sisa pertanian harus diproses semula untuk dijadikan barang lain.

Sisa tanaman padi, misalnya, boleh dijadikan sekam dan jerami dari dibuang atau dibakar begitu saja.

"Jika sisa-sisa ini dapat digunakan dengan baik, para petani boleh memperoleh satu lagi punca pendapatan dari bergantung kepada bantuan subsidi saja," jelasnya.

Mengenai keluaran kayu balak pula, Encik Oi berkata, sistem negara

membalak di negara ini belum cekap kerana banyak sisa hutan yang ditinggalkan begitu saja.

"Berdasarkan purata 150 tan pokok sehektar, hanya 17.6 peratus saja hasil balak yang dikeluarkan, manakala selebihnya adalah baki yang ditinggalkan," katanya.

Beliau berkata, di zaman kemelesetan ekonomi sekarang, kerajaan perlu membuat apa saja supaya sisa-sisa pengeluaran dapat diproses semula untuk dijadikan bahan lain.

Sementara itu, seorang penyokong kerajaan Encik Yeoh Poh San (BN-Petaling) mengangap Belanjawan Negara 1983 sebagai belanjawan yang berorientasikan eksport.

Bagaimanapun, katanya, ekonomi orientasi eksport itu hendaklah mempunyai imbalan kerana ia turun naik mengikut keadaan ekonomi dunia.

Keseimbangan dapat dicapai dengan menggalakan lagi kemajuan pasaran dalam negeri bagi sektor persendirian, katanya.